



LAPORAN **PENILAIAN STAR RATING PROJEK TKPM 2013**



**25 NOVEMBER 2013
KUANTAN, PAHANG**

KANDUNGAN


- 1 OBJEKTIF PENILAIAN
- 2 KRITERIA PENILAIAN
- 3 WAJARAN MARKAH
- 4 DAPATAN PENILAIAN
- 5 KEPUTUSAN PENILAIAN
- 6 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
- 7 RUMUSAN

OBJEKTIF

1. Mengukur pencapaian objektif dan prestasi projek-projek TKPM sepanjang tahun 2012.
2. Mengenalpasti projek TKPM yang berjaya dan boleh dijadikan model kepada pelaksanaan projek TKPM lain.
3. Memberi pengiktirafan secara formal kepada TKPM yang mampan, berprestasi tinggi dan cemerlang.

- Penilaian Star Rating TKPM 2013 telah dilaksanakan pada 3 hingga 20 Jun 2013 melibatkan 54 projek TKPM di seluruh Semenanjung Malaysia.

KRITERIA PENILAIAN



- Kriteria penilaian telah dibangunkan dengan mengambil kira teguran daripada Jabatan Audit Negara

KRITERIA PENILAIAN

KRITERIA 1: DATA SEKUNDER	KRITERIA 2: PENGURUSAN PROJEK
1. Prestasi perbelanjaan RMK9 dan RMK10 (% <i>Perbelanjaan bersih</i>)	1. Struktur Organisasi dan pengurusan TKPM
2. Intensiti tanaman (<i>luas bertanam/luas boleh tanam</i>)	2. Pengurusan peserta (<i>B.Plan, perjanjian penyertaan, tempoh usaha & medium perjumpaan</i>)
3. Produktiviti tanaman (<i>pengeluaran dan nilai bersih</i>)	3. Pemantauan pasukan pakar
4. Amalan Pertanian Baik (% <i>peserta yang memohon dan memperolehi sijil SALM</i>)	4. Hubungan dengan agensi luar (<i>Pemasaran, penyelenggaraan & pemudahcara peserta</i>)
5. Pendapatan peserta (% <i>peserta memperolehi pendapatan >RM3,000 dan purata pendapatan</i>)	5. Amalan ladang (<i>Pengurusan tapak, rekod ladang, perosak, penyimpanan input, amalan agronomi & pengendalian lepas tuai</i>)
6. Status penggunaan Sistem Pemantauan dan Penilaian Projek Pertanian (S4P)	6. Inovasi teknologi pertanian (<i>nilai tambah inovasi & inovasi baru</i>)
7. Pengemaskinian maklumat dalam Agrigeoportal.	7. Sewaan (<i>Perjanjian sewaan dan bayaran oleh peserta</i>)
	8. Inisiatif peserta (<i>Persatuan peserta, kebersihan kawasan, aktiviti peserta & anugerah/pengiktirafan</i>)

WAJARAN MARKAH

KRITERIA	MARKAH (%)	WAJARAN (%)
1. Data Sekunder	100	40
2. Pengurusan Projek	100	60
JUMLAH		100

PENARAFAN BINTANG

PERATUSAN	TARAF BINTANG	PRESTASI
$X \geq 80$ markah		Cemerlang
$70\% \leq X < 79\%$		Baik
$60\% \leq X < 69\%$		Memuaskan
$50\% \leq X < 59\%$		Kurang Memuaskan
$40\% \leq X < 49\%$		Tidak Memuaskan
$X \leq 39\%$	Tiada Bintang	Sangat Tidak Memuaskan

DAPATAN PENILAIAN

KRITERIA 1: DATA SEKUNDER



1. PRESTASI PERBELANJAAN

- ✓ Keseluruhan TKPM menunjukkan prestasi perbelanjaan bersih yang baik iaitu melepasi Significantly Exceed Target (ST) & Exceed Target (ET) bagi prestasi perbelanjaan sepanjang tempoh RMK-9 dan RMK-10
- ✓ Namun, terdapat juga TKPM yang tidak berjaya mencapai sasaran perbelanjaan yang ditetapkan (Below target-BT) iaitu:

- | | |
|--------------|--------------|
| i. Batang Si | iii. Gemas |
| ii. Salong | iv. Sepayang |

2. INTENSITI TANAMAN

A. TKPM yang Mengusahakan Tanaman sayuran

- ✓ 4 TKPM telah berjaya mencapai intensiti tanaman melebihi 3 iaitu TKPM **HULU YAM, ARA KUDA** dan **LOJING**.
- ✓ Walau bagaimanapun, intensiti tanaman bagi TKPM berikut masih rendah iaitu <1 :

i. Sg. Kelambu ii. Air Kering iii. Kg. Bemban

B. TKPM yang Mengusahakan Tanaman Buahhan/Kombinasi

- ✓ Sebanyak 15 TKPM telah mencapai intensiti tanaman melebihi 1 dan antara yang tertinggi adalah TKPM **BATANG MERBAU, LEKIR, ULU TIRAM, PLPP BESUT** dan **SELANDAR**.
- ✓ Namun intensiti tanaman bagi TKPM berikut adalah paling rendah iaitu <0.5 :

i. Sungkai iii. Sendayan v. Kg. Lepau
ii. Sekijang iv. Rhu Tapai vi. Sg. Atong

3. PRODUKTIVITI TANAMAN

A. TKPM yang Mengusahakan Tanaman Sayuran

- ✓ Sebanyak 7 TKPM telah berjaya mencapai produktiviti tanaman yang melebihi 13Tan/Ha dengan nilai bersih melebihi RM15 Ribu/Ha. Antara TKPM yang mencapai produktiviti dan nilai bersih tertinggi ialah:

i. Air Kering	iv. Pagoh	vii. Serdang
ii. Lojing	v. PLPP Besut	
iii. Hulu Yam	vi. Bistari Jaya	

- ✓ Manakala TKPM **Janglau** dan **Bukit Changgang** pula menunjukkan produktiviti tanaman yang rendah iaitu <6.9 Tan/Ha. TKPM **Pulau Gadong** pula masih tidak dapat memperolehi nilai bersih yang baik iaitu <4.9K.

3. PRODUKTIVITI TANAMAN (sambungan)

A. TKPM yang Mengusahakan Tanaman Sayuran

SENARAI TKPM		PENGELUARAN (TAN/HA)	SENARAI TKPM		NILAI BERSIH (RM/Ha)
1. Bistari Jaya 2. Serdang 3. PLPP Besut 4. Lojing 5. Pagoh 6. Hulu Yam 7. SKC SLim	8. Permatang Lawang 9. Sg. Kelambu 10. Air Kering 11. Bkt. Perak 12. Kundang	$X \geq 13$ Tan	1. Bkt Changgang 2. Pagoh 3. Serdang 4. PLP Inderapura 5. Bistari Jaya 6. Lojing	7. Hulu Yam 8. PLPP Besut 9. Air Kering	$X \geq 15$ K
1. Pulau Gadong 2. Pulau Manis 3. Sri Pantai 4. Gajah Mati 5. Kg. Bemban 6. Titi Gantong	7. Ara Kuda 8. Air Baning 9. PLP Inderapura 10. Gua Tempurung	$7 \leq X < 12.9$ Tan	1. Sg. Kelambu 2. Air Baning 3. Permatang Lawang 4. Kg. Bemban 5. Bkt. Perak 6. Gajah Mati 7. Sri Pantai	8. Pulau Manis 9. Kundang 10. Janglau 11. Titi Gantong 12. Gua Tempurung 13. Ara Kuda 14. SKC Slim	$5 \leq X < 14.9$ K
1. Bukit Changgang 2. Janglau		$X < 6.9$ Tan	1. Pulau Gadong		$X < 4.9$ K

3. PRODUKTIVITI TANAMAN (sambungan)

B. TKPM yang Mengusahakan Tanaman Buah/Kombinasi

- ✓ Sebanyak 9 TKPM telah berjaya mencapai produktiviti tanaman yang melebihi 10Tan/Ha dengan nilai bersih melebihi RM15 Ribu/Ha. Antara TKPM tersebut ialah:

i. Batang Merbau	iv. Sg. Blankan	vii. Sg. Atong
ii. Sendayan	v. Ulu Tiram	viii. Ulu Sungai
iii. Serating	vi. Sepayang	ix. Semenyih

- ✓ Manakala terdapat 5 TKPM yang mencatatkan produktiviti yang rendah iaitu <5Tan/Ha dan nilai bersih <RM4.9 Ribu/Ha. TKPM tersebut adalah:

i. Ayer Hitam	iii. Gemas	v. Jelai
ii. Charok Putting	iv. IPAHA	

3. PRODUKTIVITI TANAMAN (sambungan)

B. TKPM yang Mengusahakan Tanaman Buahhan atau Kombinasi

SENARAI TKPM		PENGELUARAN (TAN/HA)	SENARAI TKPM		NILAI BERSIH (RM/Ha)
1. Kota Perdana 2. Rengat 3. Tebing Tinggi 4. Sekijang 5. Ulu Chuchuh 7. Selandar 8. Serating 9. Ulu Tiram 10. Lekir		X ≥10 Tan	1. Ulu Tiram 2. Serating 3. Semenyih 4. Ulu Sungai 5. Sg. Atong 6. Sepayang 7. Sg. Blankan 8. Sendayan 9. Batang Merbau		X ≥15 K
11. Semenyih 12. Ulu Sungai 13. Sg. Atong 14. Sepayang 15. Sg. Blankan 16. Sendayan 17. Batang Merbau					
1. Sungkai 2. Telong 3. Kg. Lepau 4. Serengkam 5. Salong		5.09 ≤ X<9.9 Tan	1. Batang Si 2. Serengkam 3. Serating 4. Telong		5 ≤ X< 14.9 K
6. Batang Si 7. Lanchang 8. Lebu 9. Rhu Tapai		5. Ulu Chuchuh 6. Lanchang 7. Lebu			
1. Ayer Hitam 2. Charok Putting 3. Gemas 4. IPAH		X < 5 Tan	1. Kg. Lepau 2. Kota Perdana 3. Sungkai 4. Ayer Hitam 5. Gemas		X < 4.9 K
5. Jelai			6. Charok Putting 7. Jelai 8. Lekir		

4. AMALAN PERTANIAN BAIK

- ✓ Peratus peserta TKPM yang memohon bagi mendapat Sijil SALM telah meningkat berbanding penilaian tahun sebelumnya.
- ✓ Terdapat 22 TKPM yang masih lagi tiada peserta yang memperolehi Sijil SALM.
- ✓ Walau bagaimanapun, peserta-peserta di TKPM tersebut telah dalam proses permohonan untuk mendapatkan sijil SALM dimana:

- i. Peratus peserta memohon >30% : 14 TKPM
- ii. Peratus peserta memohon >50% : 8 TKPM

- ✓ Sebanyak 8 TKPM pula telah mencatat peratus peserta memohon Sijil SALM >50% dan peratus memperolehi sijil SALM >30%. Antara TKPM tersebut adalah:

- | | | |
|---------------|------------------|--------------------|
| i. Gemas | iv. Semeyih | vii. Lojing |
| ii. Ulu Tiram | v. Lekir | viii. Pmtg. Lawang |
| iii. Pagoh | vi. Titi Gantong | |

- ✓ Manakala bagi TKPM **SEPAYANG** kesemua peserta masih belum memohon atau memperolehi Sijil SALM

* Data yang digunakan bagi penilaian kriteria ini adalah data tahun 2012

* Sumber: Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman

5. PENDAPATAN PESERTA

A. PENDAPATAN MELEBIHI RM3,000 SEBULAN.

- ✓ Daripada 54 projek TKPM yang dinilai, sebanyak 24 TKPM telah mencatat sekurang-kurangnya 50% peserta berjaya memperolehi pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Antara TKPM tersebut ialah:

i. Sendayan	iv. Rhu Tapai	vii. Hulu Yam
ii. Ulu Tiram	v. PLPP Besut	viii. SKC Slim
iii. Batang merbau	vi. Titi Gantong	

- ✓ Manakala 7 TKPM berikut, % bilangan peserta yang memperolehi pendapatan melebihi RM3,000 sebulan adalah masih rendah iaitu <9%

i. Sungkai	iv. Telong	vii. Pulau Gadong
ii. Kota Perdana	v. Jelai	viii. Sg. Blankan
iii. PLP Inderapura	vi. Ayer Hitam	

5. PENDAPATAN PESERTA (sambungan)

B. PURATA PENDAPATAN SEBULAN.

- ✓ Purata pendapatan peserta di 32 projek TKPM adalah melebihi RM3,000.00 sebulan dimana antara TKPM yang mencapai purata pendapatan tertinggi adalah:

i. Rhu Tapai	iii. Hulu Yam	v. Bkt Changgang
ii. SKC Kuala Slim	iv. Ulu Tiram	

- ✓ Manakala purata pendapatan peserta di 6 buah projek TKPM masih lagi rendah iaitu kurang daripada RM1,000/bulan. Antara TKPM tersebut adalah:

i. Ayer Hitam	iii. Sungkai	v. Kg. Lepau
ii. PLP Inderapura	iv. Kota Perdana	vi. Pulau Gadong

6. SISTEM PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROJEK PERTANIAN (S4P)

- ✓ Kesemua projek TKPM telah mengisi maklumat di dalam sistem Pemantauan dan Penilaian Projek Pertanian (S4P).
- ✓ Walau bagaimanapun, terdapat 9 buah projek TKPM memperolehi peratus pencapaian prestasi projek yang rendah iaitu <69%. TKPM tersebut adalah:

i. Rengat	iv. Gajah Mati	vii. Telong
ii. Serdang	v. Air Kering	viii. Semenyih
iii. Bistari Jaya	vi. Air Bening	ix. Batang Si

- ✓ Hasil penilaian juga mendapati kebanyakan pengurus/ penyelia TKPM masih belum terdedah kepada Sistem S4P. Segala pengisian dan pengemaskinian data dilaksanakan oleh pegawai di peringkat Ibu Pejabat Negeri sahaja.

7. PENGEMASKINIAN AGRISGEOPORTAL

- ✓ Kesemua TKPM telah mengisi dan mengemaskini data bagi tahun 2011 di dalam Sistem AgrisGeoportal.

DAPATAN PENILAIAN

KRITERIA 2: PENGURUSAN PROJEK



1. STRUKTUR ORGANISASI DAN PENGURUSAN TKPM

A. CARTA ORGANISASI

- ✓ Sebanyak 52 TKPM mempunyai struktur organisasi **KECUALI** TKPM **PERMATANG LAWANG** dan **IPAH**.
- ✓ Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, terdapat 17 TKPM yang tidak mempamerkan atau mengemaskini Carta Organisasi Pengurusan TKPM untuk rujukan peserta atau pelawat dari luar.

B. FAIL MEJA

- ✓ Fail meja pengurus/penyelia di 9 projek TKPM masih lagi tidak lengkap dimana tugas pegawai tidak disenaraikan tanpa penerangan yang jelas. Antara TKPM tersebut adalah:

i. Gajah Mati

ii. Air Kering

iii. Pagoh

iv. Janglau

v. Batang Merbau

vi. Telong

vii. Pmtg. Lawang

viii. Semenyih

ix. Batang Si

- ✓ Fail Meja pengurus/penyelia di TKPM yang lain telah lengkap, namun masih terdapat penyelia/pengurus di 23 TKPM masih tidak mengemaskini fail meja.

C. LAY OUT KAWASAN TKPM

- ✓ Keseluruhan TKPM mempunyai lay out kawasan dan sebanyak 17 TKPM masih belum mempamerkan lay out tersebut untuk rujukan peserta/pelawat dari luar.

2. PENGURUSAN PESERTA

A. BUSINESS PLAN

- ✓ Kesemua peserta di TKPM mempunyai *business plan* dalam merancang pengurusan projek. Namun peserta di 29 projek TKPM sahaja yang mempunyai *business plan* yang lengkap.
- ✓ Daripada 29 TKPM tersebut, peserta di 19 TKPM sahaja melaksanakan projek sekurang-kurangnya 70% berdasarkan *business plan*.

B. PERJANJIAN PENYERTAAN

- ✓ Hanya TKPM **SENDAYAN** dan **PLP INDERAPURA** sahaja yang masih tidak mempunyai perjanjian penyertaan dengan peserta.
- ✓ Manakala 8 TKPM berikut pula telah memiliki perjanjian penyertaan tetapi masih belum lengkap seperti tidak dimatikan setem :

i. Kg. Lepau

ii. Sekijang

iii. Pagoh

iv. Rengat

v. Telong

vi. Rhu Tapai

vii. SKC Kuala Slim

viii. Titi Gantong

2. PENGURUSAN PESERTA (sambungan)

C. TEMPOH PERUSAHAAN PESERTA

- ✓ Daripada 54 projek TKPM yang telah dinilai, sebanyak 44 projek TKPM telah dibangunkan melebihi 5 tahun dan selebihnya kurang daripada 5 tahun.
- ✓ TKPM yang dibangunkan >5 tahun (44 projek TKPM):
 - Sebanyak 24 TKPM mempunyai sekurang-kurangnya 50% peserta telah mengusahakan projek melebihi 5 tahun.
 - Manakala terdapat lebih 50% peserta di 20 TKPM yang mengusahakan projek <5 tahun.
- ✓ TKPM yang dibangunkan <5 tahun (10 projek TKPM):
 - Sekurang-kurangnya 50% peserta di 4 projek TKPM telah mengusahakan projek >3 tahun.
 - Namun terdapat lebih 50% peserta di 6 projek TKPM yang masih baru iaitu mengusahakan projek <3 tahun.

Senarai TKPM mengikut tempoh usaha dan % peserta

2. PENGURUSAN PESERTA (sambungan)

D. MEDIUM PERJUMPAAN

✓ Mesyuarat:

- Semua pengurus projek TKPM telah melaksanakan mesyuarat bersama dengan peserta TKPM samada secara berjadual atau tidak **KECUALI** TKPM **SUNGKAI** dan **SEDAYAN**.
- Dari 52 projek TKPM tersebut, hanya 23 TKPM sahaja telah melaksanakan mesyuarat sebanyak 4 kali setahun atau lebih manakala TKPM **AIR KERING** dan **BESTARI JAYA** hanya melaksanakan mesyuarat sekali sahaja setahun.
- Kehadiran peserta bagi TKPM **BATANG SI, RENGAT, SG. BLANKAN** dan **SKC KUALA SLIM** adalah rendah iaitu <49%.

✓ Latihan:

- Semua TKPM telah melaksanakan latihan kepada peserta dan sebanyak 20 TKPM melaksanakan latihan secara berjadual.
- 6 TKPM berikut hanya melaksanakan sekali setahun sahaja dan selebihnya melaksanakan latihan sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih.

i. Sg. Kelambu

ii. Air Kering

iii. Ulu Tiram

iv. Sekijang

v. Telong

vi. Sungkai

3. PEMANTAUAN PASUKAN PAKAR

A. LAWATAN PASUKAN PAKAR

- ✓ Lawatan pasukan pakar telah dilaksanakan secara berjadual di kebanyakan TKPM **KECUALI** bagi TKPM berikut dimana lawatan pasukan pakar tidak dilaksanakan secara berjadual:

- | | | |
|----------------|----------------|--------------|
| i. Sg. Kelambu | iv. Sri Pantai | vii. Sungkai |
| ii. Selandar | v. Kg. Lepau | |
| iii. Sendayan | vi. Ulu Tiram | |

B. KEKERAPAN LAWATAN

- ✓ Bilangan lawatan pasukan pakar ke lot-lot peserta di TKPM telah meningkat berbanding penilaian tahun 2011 dimana sebanyak 29 TKPM mencatat kekerapan lawatan sebanyak 4kali/tahun.
- ✓ Isu kekangan masa antara ahli pasukan pakar merupakan faktor utama lawatan tidak dapat dilaksanakan mengikut penetapan sasaran.
- ✓ Bagi TKPM berikut, lawatan pasukan pakar hanya dilaksanakan sekali sahaja sepanjang tahun 2012:

- | | | |
|-------------------|-----------------|----------------------|
| i. Bkt. Changgang | vi. Air Kering | xi. Kundang |
| ii. Sg. Kelambu | vii. Sendayan | xii. Tebing Tinggi |
| iii. Bistari Jaya | viii. Kg. Lepau | xiii. Charok Putting |
| iv. Hulu Yam | ix. Ulu Tiram | |
| v. Gajah Mati | x. Sekijang | |

3. PEMANTAUAN PASUKAN PAKAR (sambungan)

C. TAHAP LIPUTAN

- ✓ Bagi TKPM **HULU YAM, IPAHA, AYER HITAM, BATANG SI** dan **TELANG**, tahap liputan lawatan pasukan pakar adalah sangat rendah iaitu <59% kawasan lot peserta.
- ✓ Kebanyakan pasukan pakar hanya melaksanakan lawatan ke lot-lot peserta yang bermasalah sahaja.

D. LAPORAN LAWATAN & TINDAKAN SUSULAN

- ✓ Semua TKPM ada menerima laporan lawatan daripada pasukan pakar dan telah mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam laporan.
- ✓ Walau bagaimanapun, TKPM Ulu Tiram tidak mengambil tindakan susulan berdasarkan laporan oleh pasukan pakar.

4. HUBUNGAN DENGAN AGENSI LUAR

A. PEMASARAN

- ✓ Kesemua peserta di TKPM menjual hasil pertanian samada secara terus, melalui pemborong atau kedua-duanya sekali.
- ✓ Keseluruhan peserta di TKPM mempunyai kontrak pasaran samada dengan FAMA, syarikat swasta atau lain-lain **KECUALI** bagi TKPM berikut:

i. Sg. Kelambu	iv. Ayer Hitam	vii. Sepayang
ii. Selandar	v. Sekijang	
iii. Kg. Lepau	vi. Ulu Sungai	

- ✓ Hasil pertanian daripada peserta kebanyakan hanya di pasarkan di pasaran tempatan. Namun terdapat hasil peserta di TKPM berikut berjaya di pasarkan sehingga ke luar negara:

i. Selandar	v. IPA H	ix. Batang Si
ii. Gemas	vi. PLPP Besut	x. Lekir
iii. Sri Pantai	vii. Serating	xi. Bkt. Changgang
iv. Ulu Tiram	viii. Semenyih	xii. Lojing

4. HUBUNGAN DENGAN AGENSI LUAR (sambungan)

B. PENYELENGGARAAN

- ✓ 11 TKPM berikut tidak melaksanakan penyelenggaraan infrastruktur secara berjadual atau ad-hoc dengan mana-mana agensi luar:

i. Bistari Jaya	v. Pagoh	ix. PLP Inderapura
ii. Gajah Mati	vi. Ulu Sungai	x. Semenyih
iii. Pulau Gadong	vii. Jelai	xi. Titi Gantong
iv. Sendayan	viii. Batang Merbau	

- ✓ Manakala hanya TKPM **SG. KELAMBU, HULU YAM, GEMAS, KG. LEPAU** dan **CHAROK PUTTING** sahaja melaksanakan penyelenggaraan secara berjadual.

C. PEMUDAHCARA PESERTA

- ✓ Majoriti pihak pengurusan TKPM telah bertindak sebagai pemudahcara kepada peserta TKPM samada dalam urusan permohonan pinjaman, pembelian bahan api secara pukal, pemasaran dan lain-lain.

5. AMALAN LADANG

A. PENGGUNAAN TAPAK

- ✓ Secara keseluruhan, hanya lot-lot peserta di TKPM **SERATING** dan **GAJAH MATI** sahaja tidak di usahakan secara maksimum iaitu <50% dari keseluruhan kawasan TKPM.
- ✓ Kebanyakan peserta telah mempunyai kesedaran dan sentiasa mengamalkan langkah-langkah pengurusan yang mesra alam.
- ✓ Walau bagaimanapun, peserta di TKPM **PULAU GADONG, AIR BANYING** dan **PERMATANG LAWANG** masih lagi belum melaksanakan langkah pengurusan mesra alam sepenuhnya seperti yang disyorkan.
- ✓ Pengurusan ladang yang tidak mesra alam:



5. AMALAN LADANG (sambungan)

- ✓ Pengurusan sisa ladang oleh sebahagian peserta TKPM:



5. AMALAN LADANG (sambungan)

B. REKOD LADANG

- ✓ Amalan pengisian buku rekod ladang di kalangan peserta masih lagi rendah dan bagi sesetengah TKPM hanya sebahagian peserta sahaja yang mengamalkan penggunaan buku rekod.
- ✓ Namun bagi TKPM **BISTARI JAYA**, **SELANDAR** dan **SENDAYAN** kesemua peserta tidak mempunyai buku rekod ladang.
- ✓ Terdapat juga di kalangan peserta TKPM yang mempunyai buku rekod ladang tetapi tidak dikemaskini secara konsisten.

C. PENGURUSAN PEROSAK

- ✓ Secara keseluruhan, kesemua peserta di TKPM menggunakan racun perosak yang berdaftar **KECUALI** peserta TKPM **PERMATANG LAWANG**.
- ✓ Amalan penggunaan racun dan pengendalian bekas sisa racun adalah oleh peserta di TKPM berikut pula kurang memuaskan:

i. Selandar

iii. Pmtg. Lawang

v. Charok Putting


ii. Rhu Tapai

iv. Sungkai

- ✓ Terdapat 19 projek TKPM yang masih tidak mempunyai pusat pengumpulan sisa racun.

5. AMALAN LADANG (sambungan)

- ✓ Pembuangan bekas sisa racun yang tidak betul dikawasan ladang oleh sebahagian peserta TKPM:



5. AMALAN LADANG (sambungan)

D. PENYIMPANAN INPUT PERTANIAN

- ✓ Semua peserta di TKPM mempunyai stor penyimpanan input pertanian sendiri **KECUALI** TKPM **GAJAH MATI, PULAU GADONG** dan **TEBING TINGGI**.
- ✓ Hanya sebahagian peserta sahaja yang mengamalkan penyimpanan bahan input secara teratur, kemas dan berlabel.
- ✓ Antara ruang penstroran yang tersusun dan kemas:



5. AMALAN LADANG (sambungan)

- ✓ Ruang penstoran yang bercampur dan tidak tersusun:



5. AMALAN LADANG (sambungan)

E. AMALAN AGRONOMI

- ✓ Semua peserta TKPM melaksanakan amalan kultura yang baik dan terdapat peserta di sesetengah TKPM melaksanakan amalan kultura secara berjadual.
- ✓ Keseluruhan peserta TKPM menjalankan tanaman secara selingan/giliran **KECUALI** peserta di TKPM **PULAU GADONG, SRI PANTAI, JELAI, PERMATANG LAWANG** dan **KUNDANG**.
- ✓ Semua peserta TKPM melaksanakan kaedah mebaja, meracun dan pengairan yang sesuai.
- ✓ Kebanyakan peserta mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) **KECUALI** peserta di TKPM berikut:

i. Gajah Mati	vii. Kg. Bemban	xiii. PLP Inderapura
ii. Ara Kuda	viii. IPAH	xiv. Salong
iii. Selandar	ix. Ayer Hitam	xv. Gua Tempurung
iv. Gemas	x. Ulu Sungai	xvi. Charok Putting
v. Air Kering	xi. Batang Merbau	
vi. Air Banning	xii. Rhu Tapai	

- ✓ Manakala kesemua peserta di TKPM **PULAU GADONG, SERDANG** dan **LEKIR** mengamalkan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM):
- ✓ Majoriti peserta TKPM masih tidak mengamalkan kitar semula sisa ladang.

5. AMALAN LADANG (sambungan)

F. PENGENDALIAN LEPAS TUAI

- ✓ Semua TKPM mempunyai pusat pengumpulan **KECUALI** TKPM **SELANDAR** dan **JELAI**.
- ✓ Pusat pengumpulan di TKPM berikut kurang sempurna dan sebahagiannya tidak digunakan:

i. Gajah Mati	v. Sekijang	ix. Janglau
ii. Ara Kuda	vi. Ulu Sungai	x. Rhu Tapai
iii. Air Baning	vii. Sg. Atong	xi. Permatang
iv. IPAHA	viii. Rengat	Lawang

- ✓ Manakala 6 TKPM berikut pula mempunyai pusat pengumpulan yang sempurna dan ada sumber air yang bersih tetapi tidak beroperasi:

i. Sekijang	iii. Kundang	v. Pulau Gadong
ii. Serdang	iv. Air Kering	vi. Charok Putting

5. AMALAN LADANG (sambungan)

- ✓ Antara pusat pengumpulan di TKPM yang kurang sempurna dan tidak digunakan:



6. INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN

A. NILAI TAMBAH KEPADA INOVASI SEDIADA

BIL	TKPM	NILAI TAMBAH INOVASI
1	PLPP Besut	i. Sistem batas bagi peningkatan hasil rock melon. ii. Kombinasi formulasi baja dan rawatan mikrob meningkatkan kualiti buah. iii. Kelulut sebagai agen pendebungaan.
2	Rhu Tapai	i. Traktor di ubahsuai sebagai jentera meracun bagi mengurangkan kos dan tenaga kerja. ii. Mesin rumput yang diubahsuai dengan kos yang lebih rendah.
3	Serating	i. Alat sprayer racun di ubahsuai dengan menggunakan traktor. ii. Alat membaja diubahsuai menggunakan traktor.
4	Ulu Chuchuh	i. Traktor di ubahsuai sebagai tram bagi mengangkut pengunjung semasa program lawatan
5	Telong	i. Penggunaan tayar terpakai sebagai tempat tanaman pokok pitaya bagi memudahkan pengurusan rumpai dan penggunaan baja yang lebih efisien

6. INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (sambungan)

BIL	TKPM	NILAI TAMBAH INOVASI
6	Pulau Manis	i. Menggunakan bekas tong cat untuk tanam pokok labu air sebagai petak pemerhatian.
7	Serdang	i. Aplikasi hydrated lime ke atas cocopeat bagi menstabilkan pH dan memastikan penggunaan cocopeat secara berterusan.
8	Pagoh	i. Pemasangan saluran baja fertigasi bagi kawasan tanah yang tidak sekata. ii. Tempat duduk/menanam beroda (bergerak).
9	Sg. Atong	i. Mini traktor yang di ubahsuai sebagai jentera meracun dan membaja.
10	Jelai	i. Mercun diikat pada lingkaran ubat nyamuk untuk takutkan gajah secara berkala.
11	Ayer Hitam	i. Alat Pengorek Biji Roselle
12	Kg. Lepau	i. Alat menabur baja nenas
13	Gajah Mati	i. Trial tanaman jagung padat.
14	Lanchang	i. Penggunaan Gypsum merah bagi baikpulih tanah untuk tanaman jagung.

6. INOVASI TEKNOLOGI PERTANIAN (sambungan)

B. INOVASI BARU

TKPM	INOVASI BARU
I. IPAHA	ORGANIK PLANT BOOSTER
II. Serdang	SERDANG ORGANIK BOOSTER

ORGANIC PLANT BOOSTER (IPAH)



- ✓ Plant booster ini merupakan produk inovasi melalui hasil pemeraman kombinasi bahan buangan/sisa-sisa ladang seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan juga telur, susu, ragi & yis, hasilan laut, molases serta EM dan cecair organik.
- ✓ Sesuai digunakan pada semua jenis tanah dan tanaman dengan penggunaan secara siraman ke tanah sekeliling pokok atau semburan pada keseluruhan tanaman.
- ✓ Antara kelebihan plant booster ini ialah:
 - a) Menambahkan daya tahan tanaman terhadap serangan patogen;
 - b) Membantu mengaktifkan penguraian nutrien dalam tanah/media;
 - c) Menambah hasil dan kualiti tanaman;
 - d) Membaiki pulih tanah bermasalah, membekal unsur pemakanan mikro dan vitamin tambahan;
 - e) Merangsang pertumbuhan tanaman.

SERDANG ORGANIK BOOSTER



- ✓ Bahan penggalak tumbesaran semulajadi yang dihasilkan melalui proses fermentasi menggunakan mikroorganisma bersama sisa ladang dan bahan-bahan seperti susu, ragi, gula merah dan lain-lain.
- ✓ Penggunaan plant booster akan dapat:
 - Mempercepatkan pertumbuhan pokok
 - Dapat meningkatkan 20-30% hasil tanaman
 - Dapat menjimatkan baja
 - Mempercepatkan tempoh masa pembungaan
 - Memanjangkan tempoh hayat tanaman
 - Meningkatkan ketahanan penyakit

7. SEWAAN

- ✓ Keseluruhan TKPM ada menetapkan kadar sewaan kepada peserta yang mengusahakan tanaman di TKPM **KECUALI** TKPM berikut dimana kadar sewaan kepada peserta masih belum ditetapkan :

i. Sendayan

iii. Serdang

v. Titi Gantong

ii. PLP Inderapura

iv. Sungkai

vi. Gua Tempurung

- ✓ Daripada 48 TKPM yang telah menetapkan sewaan kepada peserta, hanya peserta di TKPM **TELONG, RHU TAPAI** dan **SRI PANTAI** sahaja yang masih belum membayar sewa.

8. INISIATIF PESERTA

- ✓ Majoriti peserta di TKPM-TKPM mempunyai inisiatif untuk mewujudkan persatuan dikalangan mereka untuk memudahkan aktiviti /menjaga kebajikan peserta **KECUALI** bagi TKPM berikut:

i. Bkt Changgang	vi. Selandar	xi. Sri Pantai
ii. Bistari Jaya	vii. Air Kering	xii. Lebu
iii. Gajah Mati	viii. Air Baning	xiii. Lanchang
iv. Bkt Perak	ix. Kg. Bemban	xiv. Tebing Tinggi
v. Pulau Gadong	x. Sendayan	xv. Charok Putting

- ✓ Sebahagian besar peserta di TKPM tidak mengamalkan kebersihan ladang dan persekitaran serta tidak membuat penyelenggaraan kawasan/infrastruktur yang terdapat di TKPM.
- ✓ Sebahagian peserta di TKPM berjaya mendapat anugerah samada peringkat daerah, negeri atau kebangsaan.

KEPUTUSAN PENILAIAN



KEPUTUSAN PENILAIAN STAR RATING TKPM 2013

TARAF BINTANG	PRESTASI	PERATUSAN	BILANGAN TKPM
	Cemerlang	$X \geq 80$ markah	6 TKPM
	Baik	$70\% \leq X < 79\%$	22 TKPM
	Memuaskan	$60\% \leq X < 69\%$	20 TKPM
	Kurang Memuaskan	$50\% \leq X < 59\%$	6 TKPM
	Tidak Memuaskan	$40\% \leq X < 49\%$	TIADA
TIADA BINTANG	Sangat Tidak Memuaskan	$X \leq 39\%$	TIADA

JUMLAH TKPM YANG DINILAI PADA TAHUN 2013: 54 TKPM

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN



CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

1. Menyediakan dokumen perjanjian penyertaan antara peserta bagi TKPM yang masih belum mempunyai surat perjanjian penyertaan serta membuat kutipan sewa bagi peserta-peserta yang masih belum membuat bayaran.
2. Memperkemaskan penyampaian Amalan Pertanian Baik (APB) kepada peserta dengan lebih berkesan disamping menggalakkan peserta untuk memohon untuk mendapatkan pensijilan SALM.
3. Meningkatkan kesedaran peserta terhadap kebersihan ladang serta menggalakkan peserta untuk melaksanakan pengurusan ladang yang mesra alam.
4. Menggalakkan peserta untuk menyusun peralatan, baja dan racun serta melabelkan mengikut jenis supaya berada dalam keadaan teratur dan sempurna bagi mengelakkan berlaku kemalangan.
5. Menekankan penggunaan buku rekod ladang di kalangan peserta disamping melaksanakan kursus-kursus yang merangkumi aspek pengurusan rekod ladang selain kursus teknikal.
6. Mengadakan perjumpaan rasmi dengan peserta bagi mengenalpasti masalah atau isu-isu semasa dalam pelaksanaan projek.

RUMUSAN



RUMUSAN

- Sejak Penilaian Penarafan Bintang Projek TKPM dilaksanakan pada tahun 2012, secara keseluruhan kebanyakan TKPM menunjukkan peningkatan terhadap kriteria-kriteria yang telah dinilai. Ini membuktikan bahawa *pride project* jabatan telah diberikan keutamaan dan ini seterusnya akan dapat menyokong kepada pencapaian objektif TKPM serta menjamin kejayaan projek pada masa hadapan.
- Namun begitu, usaha yang berterusan oleh mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan projek ini perlu dipertingkatkan bagi memantapkan lagi *pride project* ini.



Terima kasih!

